

Headline **'Punca tiada saintis bertaraf dunia perlu dikenal pasti'**
Date **29 Sep 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **257 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,452**
PRValue **16,355**



'Punca tiada saintis bertaraf dunia perlu dikenal pasti'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia perlu mengenal pasti punca yang menyebabkan negara tidak mampu melahirkan ramai saintis bertaraf antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, antara langkah perlu diambil adalah membawa pulang pakar pakar tempatan yang kini berkhidmat di luar negara, selain menambah pelaburan dalam bidang pendidikan dan pembangunan bagi memperkasakan pelbagai disiplin ilmu sains.

"Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan mensasarkan untuk melahirkan 60 orang penyelidik saintis dan jurutera dalam usaha mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Ketika ini, kita hanya mempunyai 18 orang penyelidik, saintis dan jurutera daripada 10,000 orang tenaga kerja. Perkembangan ini jelas menunjukkan jumlah ini jauh daripada sasaran yang memuaskan hati kita semua," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Anugerah Sains Mahathir 2008 dan 2009 di sini, semalam.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili.

Penerima anugerah berkeenaan bagi 2008 adalah Profesor Gurdev Singh Khush daripada Universiti of California kerana sumbangan beliau dalam pembangunan pertanian tropika, manakala anugerah bagi 2009 menjadi milik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), atas kejayaan institut itu menghasilkan penyelidikan berasas kayu getah.

Pada majlis itu juga, Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan bekas Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dilantik sebagai Fellow Kehormat Akademik Sains Malaysia.



NAJIB bersama Rosmah dan Dr Maximus bergambar bersama penerima anugerah pada Majlis Penyampaian Anugerah Sains Mahathir 2008 dan 2009, di Kuala Lumpur, semalam. Pemenang anugerah menerima wang tunai RM100,000, pingat emas dan sijil.